



KENYATAAN RASMI

PROSEDUR PENANGGUHAN PELAJAR PULANG KE POLITEKNIK MERLIMAU

Berdasarkan surat JPPKK.BAPP 800-6/1/10(5) bertarikh 2 Oktober 2020 dan Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 2 Oktober 2020, Politeknik Merlimau (PMM) memutuskan semua aktiviti berikut adalah **DITANGGUHKAN** sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kemudian bergantung kepada keadaan semasa kes COVID-19 di negara kita:-.

- i) Pergerakan pulang pelajar semester 1, 4 dan 5 ke kampus.
- ii) Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka.
- iii) Semua program atau aktiviti bersemuka yang melibatkan perhimpunan di dalam kampus.

Ini bermakna **semua pelajar (semester 1 - 5)** akan menjalani proses Pengajaran dan Pembelajaran(PdP) mengikut jadual waktu pelajar dengan menggunakan kaedah **pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPDT)**.

Bagi pelajar yang sedang berada di dalam kampus dan sedang mengikut aktiviti akademik, pelajar boleh kekal berada di dalam Kamsis dan rumah sewa. Walaubagaimanapun, pelajar dikehendaki melaporkan diri kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) menerusi Penasihat Akademik masing-masing.

Bagi pelajar yang ingin memasuki kawasan PMM, hendaklah **sentiasa merekodkan pergerakan menerusi aplikasi MySejahtera dan pemeriksaan suhu** di setiap premis dan lokasi yang dikunjungi. Sekiranya **mempunyai simptom dan gejala, dilarang memasuki kampus PMM.**

Semua pelajar dan warga PMM dikehendaki sentiasa mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.

Sehubungan dengan itu, **kenyataan sebelum ini adalah terbatal** dan pihak Pengurusan PMM memohon maaf atas segala kesulitan yang dihadapi. Pihak PMM akan sentiasa menyalurkan maklumat dari masa kesemasa. Sila rujuk www.pmm.edu.my untuk sebarang info terkini.

Kita satu keluarga, kita jaga kita. Tanggungjawab bersama memastikan PMM bebas COVID 19. Amalkan norma baharu untuk mencegah COVID 19.

Pengarah
Politeknik Merlimau
2 Oktober 2020.